



PERAK  
Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “KEWAJIPAN MENGUTAMAKAN UKHUWAH ISLAMIAH”

31 Mei 2024 / 22 Zulkaedah 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ

﴿وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Jemaah yang dimuliakan,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: “KEWAJIPAN MENGUTAMAKAN UKHUWAH ISLAMIAH”

Ukhuwah bermaksud persaudaraan. Berasal dari perkataan أُخٌ (*akhun*) merangkumi makna saudara, adik beradik, keturunan juga sahabat. Manakala ‘Ukhuwah Islamiah’ ditakrifkan sebagai hubungan persaudaraan yang terjalin terbit daripada perasaan kasih serta didasari akidah mentauhidkan Allah Yang Maha Esa.

Al-Quran menggambarkan betapa persaudaraan bertunjangan akidah adalah nikmat agung kurniaan Ilahi yang perlu dipelihara, dihargai dan disyukuri selaras dengan ayat 103 surah Ali Imran yang khatib bacakan pada awal khutbah:

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Bermaksud: “Dan berpegang teguhlah kamu semua pada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu berpecah belah. Dan ingatlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan (semasa jahiliah dahulu) lalu, Allah menyatukan hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam) maka menjadilah kamu dengan nikmat Nya itu orang Islam yang bersaudara dan (dahulu) kamu berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah). Lalu, Allah menyelamatkan kamu daripada neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikian Allah menjelaskan ayat Nya kepada kamu supaya kamu mendapat hidayah petunjuk”.

Imam Ibnu Kathir mentafsirkan ayat tersebut, bahawa Allah SWT memerintahkan kewajipan berpegang teguh kepada prinsip ajaran Islam yang merupakan kunci terbentuknya ikatan persaudaraan; saling bersatu dan tidak berpecah belah, seperti yang berlaku pada era masyarakat Arab jahiliah yang membawa kebencian dan permusuhan. Dirumuskan ukhuwah akan kekal terpelihara selagi ummah menghayati kandungan al-Quran dan mengamalkan sunnah Rasulullah SAW.

### **Jemaah yang dilimpahi petunjuk Ilahi,**

Antara tanda kesempurnaan iman seseorang, apabila ukhuwah Islamiah diterjemahkan dalam bentuk penghayatan lalu diamalkan dalam hidupnya. Pelbagai kebaikan dan manfaat bakal diperoleh sekiranya persaudaraan diutamakan lalu dipupuk dan disemai. Pepatah Melayu menyebut, “serumpun bak serai, sesusun bak sirih”, menggambarkan keadaan masyarakat yang mengamalkan kerukunan hidup berpadu, bersatu hati dan sentiasa bersedia membantu antara satu sama lain.

Persaudaraan yang terjalin erat dalam kalangan warga berupaya mewujudkan semangat kerjasama, merangkaikan persefahaman, membina kesatuan dan memupuk budaya hormat-menghormati; diperkukuhkan perkara yang telah ada titik persamaan, sementara diuruskan secara berhemah dan bertolak ansur meraikan dalam suasana harmoni perkara yang berbeza pandangan, membolehkan terbentuknya masyarakat yang bermurah hati, saling mendukung tanggungjawab dalam semangat beban sama dipikul - sakit sama ditanggung, lalu bersedia menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan, dan bersedia juga membantu meringankan tanggungjawab anggota keselamatan dan pihak berkuasa menguruskan amar makruf nahi mungkar.



Sesungguhnya, ummah yang sentiasa berusaha memelihara, memupuk dan mengutamakan persaudaraan, telah melaksanakan amalan murni, menjadi sebab kepada turunnya pelbagai rahmat kebaikan dan hidupnya bakal dilimpahi keberkatan Ilahi.

### **Jemaah yang dilimpahi keberkatan Ilahi,**

Mengabaikan ukhuwah Islamiah akan menjerumuskan diri ke gawang persengketaan, perpecahan dan permusuhan. Hakikatnya, pelbagai keburukan bakal melanda ummah jika ukhuwah Islamiah gagal dihayati dan diamalkan, menatijahkan suasana bermasyarakat yang tidak membantu antara satu sama lain, hidup secara nafsi-nafsi, masing-masing mementingkan diri dan tidak mengambil berat atau mepedulikan nasib golongan yang diuji kesusahan.

Pada asasnya orang Mukmin itu saling bersaudara. Maka selayaknya persaudaraan, bersifat mendamaikan dan bukannya memarakan api permusuhan apatah lagi menyebarkan kebencian. Pesan al-Imam As-Syafie, "Antara tanda ukhuwah Islamiah sebenar, ialah sahabat yang bersedia menerima kritikan dari temannya, menutupi aib temannya dan memberi maaf atas kesalahan temannya".

Bermakna, persaudaraan kekal terpelihara jika ummah mempamerkan akhlak mulia dan budi pekerti terpuji sesama saudara, pada masa yang sama berusaha mendamaikan dua pihak yang bertelagah selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 10:

﴿ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴾

Bermaksud: "Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu yang bertelingkah itu, dan bertakwalah kepada Allah SWT supaya kamu beroleh rahmat".

Ukhuwah Islamiah menyuburkan sifat ihsan, menuntut ummah mengambil berat nasib yang menimpa saudara Mukmin di Palestin. Rakyat Palestin sehingga ke saat ini berterusan menanggung penderitaan, ditindas dengan pelbagai kekejaman oleh rejim Zionis Israel. Media melaporkan, semenjak Oktober 2023, lebih 35 ribu orang rakyat Palestin menjadi mangsa pembunuhan, sebilangan besar mangsa adalah kanak-kanak, warga berusia dan wanita. Lebih 2.3 juta orang penduduk kehilangan tempat kediaman, menghadapi kesukaran mendapatkan kemudahan asas seperti air, makanan, pakaian dan perubatan.



Ummah wajib bersimpati ujian berat yang sedang dialami oleh umat Islam di bumi Palestin. Ummah wajib tampil memikirkan tindakan yang dapat membantu mereka melalui kempen kesedaran isu Al-Aqsa, menghulurkan bantuan kewangan dan paling tidak senantiasa mendoakan pembelaan daripada Allah SWT, dalam semangat ukhuwah Islamiah, mempamerkan hati yang selari dengan sifat Mukmin sejati berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادِّهِمْ، وَتَرَاحُمِهِمْ، وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ، إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ  
تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَّى

Bermaksud: Perumpamaan orang Mukmin dalam hal saling mencintai, menyayangi dan mengasihi, bagaikan satu tubuh. Apabila ada salah satu anggota tubuh yang sakit, maka seluruh tubuhnya akan ikut terjaga (tidak boleh tidur) dan panas (turut merasakan sakitnya).  
(Hadis Riwayat Bukhari)

### Jemaah Rahimakumullah,

Mimbar memperingatkan lima amalan berikut:

**Pertama:** Mengutamakan ukhuwah Islamiah adalah kewajipan yang dituntut ke atas setiap Muslim selaras dengan tujuannya membentuk kesatuan ummah, menyatupadukan masyarakat dan mewujudkan suasana harmoni demi kesejahteraan kehidupan. **Kedua:** Lazimkan amalan kunjung mengunjungi, menyebarkan salam, saling bermaafan serta mencari kebaikan sesama ummah. **Ketiga:** Melazimkan solat berjemaah lima waktu di masjid agar terjalin hubungan persaudaraan sesama ahli kariah. **Keempat:** Melibatkan diri dalam kegiatan kemasyarakatan. **Kelima:** Mengambil berat serta menghulurkan bantuan kepada ummah yang menghadapi kesusahan tanpa mengira di mana mereka berada.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ  
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Bimbing kami untuk saling mengutamakan dan mengekalkan ukhuwah Islamiah. Kurniai kami jiwa yang suci sehingga saling mendorong kebaikan antara satu sama lain dalam semangat berat sama dipikul ringan sama dijinjing.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Aziz! Ya Jabbar! Ya Muntaqim!**, kami memohon agar Engkau limpahi rahmat perlindungan Mu kepada saudara-saudara kami di Palestin. Engkau Yang Maha Kuasa untuk menggagalkan perancangan jahat, perbuatan zalim lagi ganas, rejim Zionis Israel. Kembalikan bumi Palestin sebagai bumi yang aman, makmur dan berdaulat lagi merdeka; lindungi kesucian Masjid al-Aqsa sehingga hari kiamat.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،  
وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ﴾.



## PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT

Kepada: Imam / Khatib bertugas

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sidang Jemaah sekalian, di sini ada pengumuman ingin disampaikan iaitu peluang terbaik untuk anak-anak lepasan SPM 2023 dan juga pelajar-pelajar STPM 2023 yang sedang mencari-cari tempat atau institusi untuk melanjutkan pelajaran!

Majlis Amanah Rakyat (MARA) sekali lagi menganjurkan Karnival Pendidikan MARA 2024. Pelbagai institusi pendidikan tinggi dari IPTA & IPTS akan turut serta di karnival ini. Para ibu bapa dan penjaga boleh membawa anak-anak memeriahkan Karnival Institusi Pendidikan MARA (IPMA) 2024 di samping menerokai bidang-bidang pengajian yang menarik untuk anak-anak ceburi di peringkat pengajian tinggi.

Butiran program adalah seperti berikut:

**Tarikh:** 1 & 2 Jun 2024 (Sabtu & Ahad)

**Waktu:** 10.00 pagi hingga 10.00 malam

**Lokasi:** Angsana Mall Ipoh Perak (Greentown)

Jangan lepaskan peluang untuk mendapatkan maklumat pendidikan dan penajaan di Karnival Institusi Pendidikan MARA (IPMA) 2024! Dapatkan penerangan terperinci, buat permohonan, terima tawaran dari IPMA, dan ajukan soalan tentang penajaan terus kepada pihak MARA. Semoga anak-anak para Jemaah cemerlang pendidikan cemerlang sahsiah.



The poster for the Karnival Institusi Pendidikan MARA 2024 features a vibrant design with a graduation cap icon and the event title in large, stylized letters. It includes the MARA logo and the slogan 'MENDEPANI CABARAN, MENCIPTA MASA DEPAN'. The event details are prominently displayed: '1 - 2 Jun 2024' and '10 PAGI - 10 MALAM' in Perak at Angsana Ipoh Mall. A 'P' icon lists services: Penerangan, Permohonan, Penawaran, and Penajaan. A 'PEMPAMER' section lists participating institutions such as UniKL, UPTM, HPTM, GMI, GiatMARA, UTM, MAMPU, IKM, MSU, UMMU, MAHSA, and MANIPAL. The poster is endorsed by UniKL Resources and provides social media handles and the website www.mara.gov.my.

**Karnival Institusi Pendidikan MARA 2024**  
MENDEPANI CABARAN, MENCIPTA MASA DEPAN

Anda Lulusan SPM/STPM?  
Bercita-cita tinggi dan ingin berjaya bersama MARA?  
**Sertai Karnival IPMA 2024!**

**1 - 2 Jun 2024**  
**10 PAGI - 10 MALAM**

**Perak** Angsana Ipoh Mall, Ipoh

**PEMPAMER**

UniKL, UPTM, HPTM, GMI, GiatMARA, UTM, MAMPU, IKM, MSU, UMMU, MAHSA, MANIPAL

Dianjurkan oleh:  
UniKL RESOURCES

@karnival\_ipma | @karnival\_ipma | Karnival Ipma | www.mara.gov.my

03 - 3176 4089  
017 - 723 9820 (Pn. Adhwaiz)  
012 - 4266992 (Pn. Nadia)